



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

PENGUMUMAN KEPUTUSAN
PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)
2020
oleh

YBHG. PROF. DATUK Ts. Dr. WAHID BIN RAZZALY
AHLI MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
NAIB CANSELOR

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA (UTHM)



1 JULAI 2021 (KHAMIS)
MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
12:00 TENGAH HARI

Pengumuman Keputusan Rasmi Secara Langsung (*LIVE*) di :



Facebook : Majlis Peperiksaan Malaysia



Instagram : majlispeperiksaan



Youtube : MEC MPM





**PENGUMUMAN KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM)
TAHUN 2020**

oleh

**YBHG. PROF. DATUK Ts. DR. WAHID BIN RAZZALY
AHLI MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA (MPM)
yang juga
NAIB CANSELOR UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
(UTHM)**

Assalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera

Bilangan Calon

1. Sukacita saya, sebagai Ahli Majlis Peperiksaan Malaysia yang mewakili semua Ahli Majlis memaklumkan bahawa bilangan calon yang mendaftar untuk menduduki peperiksaan STPM 2020 adalah sebanyak 44,704 calon manakala yang hadir adalah sebanyak 42,983 calon (96.15 peratus). Bilangan calon yang mendaftar untuk menduduki STPM 2020 pada keseluruhannya telah menurun sebanyak 3.32 peratus daripada 46,237 calon yang mendaftar pada tahun STPM 2019. Kehadiran calon pada tahun 2020 juga menurun daripada 44,823 pada tahun 2019 kepada 42,983 (menurun sebanyak 4.11 peratus atau berkurang sebanyak 1,840 calon).

Bilangan Calon Mengikut Aliran

2. Dari segi **pendaftaran** dan **kehadiran** mengikut **aliran** pula, bilangan calon yang mendaftar untuk **aliran Sains Sosial (Arts)** adalah sebanyak **40,952 calon** dan yang hadir adalah sebanyak sebanyak **39,320** calon (**91.48** peratus daripada keseluruhan calon yang hadir). Bagi **aliran Sains**, sebanyak **3,752 calon** telah mendaftar untuk aliran Sains dan yang hadir adalah sebanyak **3,663** calon (**8.52** peratus daripada jumlah keseluruhan calon yang hadir).
3. Mata pelajaran **Pengajian Am** adalah mata pelajaran wajib dan mempunyai bilangan calon mendaftar yang **tertinggi**, iaitu sebanyak **44,687** (**17** calon tidak mendaftar Pengajian Am).
4. Dalam menetapkan tarikh peperiksaan Semester 2 dan Semester 3 dalam tempoh pandemik COVID-19 yang masih melanda negara pada masa kini, MPM telah memastikan tempoh PdP secara bersemuka/PdPR calon adalah mencukupi mengikut minggu waktu persekolahan yang ditetapkan dalam Sukatan Pelajaran Peperiksaan STPM. Bilangan minggu PdP yang hilang disebabkan penutupan sekolah akibat Perintah Kawalan Pergerakan/Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat/Perintah Kawalan Diperketatkan bagi tujuan mencegah penularan wabak COVID-19 telah MPM ambil kira untuk tujuan penetapan tarikh peperiksaan bagi memastikan calon telah bersedia dan sukanan pelajaran peperiksaan STPM telah dapat disempurnakan.

PENCAPAIAN KESELURUHAN CALON

5. Sehubungan itu, sukacita dimaklumkan bahawa PNGK Nasional STPM 2020 telah meningkat dari 2.77 pada tahun 2019 kepada 2.78 (peningkatan 0.01) pada tahun 2020.
6. Walau bagaimanapun, dari segi pencapaian calon secara keseluruhannya, pencapaian calon STPM 2020 dianggap masih sama dengan pencapaian calon STPM 2019 kerana perbezaan peningkatannya yang sangat kecil, iaitu hanya sebanyak +0.01 mata dan perbezaan peningkatan ini **tidak menggambarkan siginifikan yang besar** kepada pencapaian calon STPM 2020 secara keseluruhannya berbanding dengan calon STPM 2019.
7. Sebanyak 741 calon atau 1.72 peratus calon telah mendapat PNGK 4.00 dan daripada 741 calon ini, 554 atau 74.76 peratus daripadanya adalah dalam golongan **B40**. Walau bagaimanapun, bilangan calon yang mendapatkan PNGK 4.00 ini telah berkurangan sebanyak 61 calon daripada 802 calon yang mendapat PNGK 4.00 pada tahun 2019.
8. Dari segi pencapaian PNGK calon secara keseluruhannya didapati peratusan longgokan calon pada PNGK 3.09 ke atas telah meningkat daripada 33.45% atau 14,994 calon pada tahun 2019 kepada 33.69% atau 14,482 calon pada tahun 2020, manakala peratusan longgokan calon pada PNGK 3.00 hingga 2.00 didapati telah menurun daripada 51.81% (23,221 calon) kepada 50.97% (21,910 calon) berbanding pada tahun lepas.

9. Walaupun terdapat kenaikan dan penurunan pada PNGK calon keseluruhannya, Insya-Allah saya tetap yakin bahawa peluang bilangan lepasan STPM yang akan diterima masuk ke Universiti Awam masih besar seperti tahun-tahun sebelumnya.

PNGK Calon Mengikut Lokasi Bandar Dan Luar Bandar

10. Dari segi perbandingan Pencapaian PNGK calon bandar dengan calon luar bandar, didapati PNGK calon bandar masih mengatasi PNGK calon luar bandar dengan masing-masing PNGK 2.80 dan 2.78. Dari segi perbezaan jurang antara bandar dengan luar bandar pula, didapati perbezaan jurang pencapaian antara calon bandar dengan calon luar bandar sama seperti pada peperiksaan STPM 2019, iaitu beza jurang sebanyak 0.02 mata.

CALON YANG MENDAPAT 5A DAN 4A BAGI SETIAP MATA PELAJARAN

11. Dari 741 calon yang mendapat PNGK 4.00, **23 calon** telah mendapat 5A dalam kelima-lima mata pelajaran yang diambil dan **718 calon** telah mendapat 4A dalam mata pelajaran yang diambil.
12. Dari segi analisis calon yang mendapat 5A dan 4A, didapati bilangan calon yang mendapat 5A telah berkurang daripada 42 calon pada peperiksaan STPM 2019 kepada 23 calon dalam peperiksaan STPM 2020. Begitu juga dengan bilangan calon yang mendapat 4A dengan PNGK 4.00 dalam peperiksaan STPM 2020 juga telah berkurang daripada 760 pada tahun 2019 kepada 718 calon.

13. Secara keseluruhannya, bilangan calon yang mendapat PNGK 4.00, iaitu yang mendapat A dalam kelima-lima dan empat mata pelajaran yang diambil telah berkurang daripada 802 calon pada tahun 2019 kepada 741 calon pada tahun 2020, iaitu berkurang sebanyak 61 calon atau 7.61 peratus.

PENCAPAIAN CALON MENGIKUT KELULUSAN LULUS PENUH (PERINGKAT PRINSIPAL)

14. Dalam peperiksaan STPM, lulus penuh adalah daripada **gred C ke atas**, lulus sebahagian adalah antara gred C- ke gred D, dan gagal adalah pada gred F.
15. Untuk mengukur pencapaian keseluruhan calon STPM berdasarkan kelulusan lulus penuh dalam mata pelajaran, lulus penuh dalam lima dan empat mata pelajaran telah diambil kira. Seperti yang telah dimaklumkan, Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BPKP), Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pengajian Malaysia telah menetapkan syarat bahawa dalam suatu peperiksaan STPM, **lulus penuh dalam empat mata pelajaran terbaik sahaja termasuk mata pelajaran Pengajian Am** akan dipertimbangkan untuk memasuki Universiti Awam.
16. Secara **keseluruhannya** peratusan calon yang mendapat lulus penuh dalam lima dan empat mata pelajaran daripada jumlah keseluruhan calon hadir didapati telah menurun dengan perbezaan peratusan sebanyak 0.70%, iaitu daripada 73.67% atau 33,021 calon pada tahun 2019 kepada 72.97% atau 31,366 calon dalam STPM 2020, dengan perbezaan penurunan sebanyak 1,655 calon berbanding tahun 2019.

17. Walau bagaimanapun, peratusan pencapaian **calon sekolah kerajaan** yang mendapat lulus penuh dalam 5 hingga 1 mata pelajaran adalah **melebihi 95.00%** dan telah **meningkat** sedikit berbanding dengan peperiksaan tahun sebelum, iaitu daripada 97.99% atau 43,924 calon kepada 98.34% atau 42,271 calon.

PRESTASI MATA PELAJARAN

18. Secara keseluruhannya, **kesemua 23 mata pelajaran** yang ditawarkan dalam peperiksaan STPM 2020 telah mencatatkan peratusan **lulus penuh melebihi 70 peratus**, iaitu gred C dan ke atas.
19. Dalam peperiksaan STPM 2020, **satu mata pelajaran** telah menunjukkan peningkatan dalam prestasi lulus penuh berbanding dengan prestasi pada tahun sebelumnya melebihi 3.00%, iaitu mata pelajaran **Literature in English** dan **satu mata pelajaran** telah menunjukkan penurunan dalam prestasi lulus penuh berbanding dengan prestasi pada tahun sebelumnya melebihi -3.00%, iaitu mata pelajaran **Mathematics T**.
20. Manakala 21 mata pelajaran lain dianggap tidak berubah prestasinya kerana beza peratusan calon yang lulus penuh antara tahun 2020 dengan 2019 adalah kurang daripada 3.00%.
21. Dalam peperiksaan STPM 2020, mata pelajaran Tahfiz Al-Quran telah ditawarkan buat pertama kali dalam peperiksaan STPM. Pencapaian calon yang menduduki kertas ini amat membanggakan kerana daripada 69 calon yang menduduki kertas ini, 63 daripadanya telah berjaya menghafaz keseluruhan 30 juzuk

Al-Quran. Ujian hafazan terhadap calon yang menduduki kertas ini telah dilaksanakan melalui ujian Syafawi yang diadakan pada ketiga-tiga semester. Calon yang berjaya menghafaz keseluruhan 30 juzuk Al-Quran ini akan menerima Sijil Hafazan dari MPM selain daripada Sijil STPM.

PENETAPAN STANDARD

22. Penetapan standard STPM 2020 dilaksanakan dengan efisien melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia 2020 dengan dinasihati dan diselia oleh Cambridge Assessment International Education, United Kingdom. Nasihat dan penyeliaan secara berterusan dari Cambridge Assessment International Education, UK adalah bertujuan mengekalkan standard yang telah dilaksanakan semenjak STPM 1982 dan STPM diterima di peringkat antarabangsa (global). Pengiktirafan dari Cambridge Assessment International Education, UK ini terzahir di belakang Sijil STPM. Wakil dari Cambridge Assessment International Education, UK yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan STPM 2020 ialah Mr. Mark Dowling dan Mrs. Kate Jenkinson, *Consultant of Cambridge Assessment International Education, UK*. Mr. Mark Dowling telah merumuskan:

*“I can confirm that procedures were followed and any deviation was no loss to the quality of the process and the outcomes were similar to those in previous years”. **Mr. Mark Dowling**, Consultant of Cambridge Assessment International Education, United Kingdom (Dipetik daripada Grading of 2020 STPM Examinations Report)*

23. **Sukacita saya memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan STPM 2020 akan dikeluarkan pada hari ini, Khamis, 1 Julai 2021.**
24. Calon Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan/swasta/ persendirian individu boleh mendapatkan keputusan masing-masing melalui kaedah yang berikut:
 - (a) semakan keputusan penuh (slip keputusan) secara dalam talian melalui pautan <http://stpm.mpm.edu.my/stpmK> pada **1 Julai 2021 (Khamis)** mulai jam **12:00 tengah hari**;
 - (b) perkhidmatan SMS **ringkasan keputusan** dengan menaip **STPM<jarak>No. K/P<jarak>Angka Giliran** dan hantar ke **68886** pada **1 Julai 2021** mulai jam **11:00 pagi** sehingga **9 Julai 2021 (Jumaat)** jam **12:00 tengah hari**;
 - (c) **keputusan** calon akan dihantar oleh MPM **terus ke alamat e-mel** calon pada **1 Julai 2021** mulai jam **11:00 pagi** (bagi calon yang membekalkan alamat e-mel ke MPM); dan
 - (d) bagi calon Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan/sekolah swasta/persendirian individu yang tidak mempunyai capaian internet, pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)/Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)/sekolah akan mengenalpasti calon tersebut dan akan memaklumkan kaedah yang sesuai untuk calon mendapatkan keputusan peperiksaan.

PENUTUP

25. MPM mempunyai jalinan akrab dan akan meneruskan kolaborasi yang baik dengan Cambridge Assessment International Education, United Kingdom bagi memastikan sijil STPM sejak tahun 1982 diiktiraf setaraf dengan GCE Advanced Level yang dikelolakan oleh Cambridge Assessment International Education, United Kingdom dan STPM telah diiktiraf di seluruh dunia. Calon boleh menggunakan Sijil STPM untuk memohon ke universiti luar negara.
26. MPM juga akan memastikan peperiksaan STPM dan MUET dikelolakan mengikut standard piawaian seperti yang telah dianugerahkan kepada MPM dengan Sijil Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 (QMS01934) yang telah mendapat pengiktirafan antarabangsa.
27. Di samping itu Majlis Peperiksaan Malaysia akan terus memperkasakan jalinan hubungan dengan International Association for Educational Assessment (IAEA), USA, iaitu sebuah pertubuhan antarabangsa yang dianggotai oleh badan pentaksiran pendidikan yang terkemuka di dunia dan diiktiraf di peringkat antarabangsa dalam bidang pentaksiran selaras dengan keahlian MPM sebagai Ahli Tetap IAEA semenjak tahun 1984.
28. Pada kesempatan ini juga, sukacita saya memaklumkan bahawa MPM telah juga sejajarkan ujian MUET berdasarkan Sukatan dan Spesifikasi MUET yang selaras (*align*) dengan Common European Framework of Reference (CEFR) mulai MUET Sesi 1 2021. Ini bertujuan untuk memperkasakan standard MUET

mengikut piawai antarabangsa dan sejajar dengan mengantarabangsakan MUET kepasaran luar negara. MPM juga telah berjaya menerobos pasaran MUET di Jakarta dan Lombok, Indonesia pada tahun 2019.

29. Sebagai permulaan, *Way Forward* MPM dan sebagai tindakan pasca COVID-19, pada tahun 2020, MPM telah melaksanakan pemeriksaan secara dalam talian (*e-marking*) terhadap 2 mata pelajaran, iaitu Syariah (930) dan ICT (958). MPM merancang untuk melaksanakan *e-marking* terhadap semua mata pelajaran di masa hadapan berdasarkan ketetapan prosedur yang sedia ada.
30. Sebagai tambahan kepada rancangan *Way Forward* MPM juga dan natijah daripada implikasi COVID-19, pada tahun 2020, MPM buat pertama kalinya telah melaksanakan peperiksaan secara *e-Testing*, iaitu peperiksaan secara dalam talian sepenuhnya kepada bakal doktor pakar perubatan peperiksaan *Medical Specialist Pre-Entrance Examinations* (MedEx) 2020. Peperiksaan MedEx merupakan peperiksaan yang dikelolakan oleh MPM mulai tahun 2019 bagi pihak Majlis Dekan Perubatan Universiti Awam. *e-Testing* yang berikutnya yang bakal dikendalikan oleh MPM, Insya-Allah ialah peperiksaan Imtihan al-Kafaah Li a-Lughah al-Arabiyyah (IKLA) yang akan dikendalikan oleh MPM bagi pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Melalui *e-Testing*, calon boleh menduduki peperiksaan di tempat masing-masing tanpa perlu bergerak ke pusat peperiksaan.
31. Pada kesempatan ini, saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada semua pelajar yang berjaya dalam peperiksaan STPM 2020 dan MUET 2020.

32. Tidak lupa sekalung syabas kepada ibu bapa, penjaga, guru, dan kepada semua pelajar STPM.
33. Bagi pelajar yang masih belum menunjukkan kejayaan memberangsangkan diharap tidak putus asa. Cuba lagi dalam peperiksaan STPM yang akan datang.
34. Kepada calon yang akan menduduki STPM 2021, diharapkan kejayaan calon STPM 2020 dapat dijadikan suntikan semangat dan motivasi.
35. Akhir kata, sebagai Ahli Majlis yang mewakili Ahli Majlis Peperiksaan Malaysia yang lain, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua, khususnya kepada;
 - (a) YB Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr. Radzi bin Jidin,
 - (b) KSU Kementerian Pendidikan Malaysia,
 - (c) Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia,
 - (d) Ahli-Ahli Majlis Peperiksaan Malaysia,
 - (e) Ketua Eksekutif MPM,
 - (f) Warga MPM,
 - (g) Cambridge Assessment International Education, UK,
 - (h) *International Association for Educational Assessment* (IAEA),
 - (i) Bahagian-Bahagian di Kementerian Pendidikan Malaysia sama ada di Sektor Pelajaran atau Sektor Pendidikan Tinggi, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah,
 - (j) Lembaga Peperiksaan,

- (k) Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar (BKPA), Kementerian Pengajian Tinggi
- (l) Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta (IPTA dan IPTS),
- (m) Pengetua, guru, wakil industri,
- (n) ibu bapa, calon, masyarakat, dan
- (o) tidak ketinggalan juga kepada pihak media yang telah memberikan sokongan yang padu dan terus menerus kepada Majlis Peperiksaan Malaysia dalam mengangkat martabat dan memperkasakan STPM sebagai produk Malaysia (Malaysia Brand) yang menjadi kebanggaan kita.

Akhir kata, didoakan semoga Allah S.W.T mengabulkan doa kita agar wabak COVID-19 yang sedang melanda dunia ini dapat dibendung dan kita semua sentiasa dilindungi serta dijauhkan daripada wabak ini.

Syabas **MPM**.

Sekian, terima kasih.

YBHG. PROF. DATUK Ts. DR. WAHID BIN RAZZALY

Ahli Majlis

Majlis Peperiksaan Malaysia

yang juga

Naib Canselor

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)

1 JULAI 2021

Lampiran 1

Perbandingan Bilangan Calon yang Mendaftar dan Bilangan Calon yang Hadir Mengikut Jenis Calon dalam Peperiksaan STPM 2019 dan STPM 2020						
Jenis Calon	STPM 2019		STPM 2020		Beza	
	Bil.	%	Bil.	%	Bil.	% Naik Turun
Calon Yang Mendaftar						
Calon sekolah kerajaan	45,794	99.04	44,393	99.30	-1,401	-3.06
Calon sekolah swasta	184	0.40	106	0.24	-78	-42.39
Calon persendirian individu	232	0.50	191	0.43	-41	-17.67
Calon sekolah kerajaan negeri	27	0.06	14	0.03	-13	-48.15
Calon sekolah integriti	0	0.00	0	0.00	0	0.00
Jumlah	46,237	100.00	44,704	100.00	-1,533	-3.32
Calon Yang Hadir						
Calon sekolah kerajaan	44,501	99.28	42,809	99.60	-1,692	-3.80
Calon sekolah swasta	167	0.37	95	0.22	-72	-43.11
Calon persendirian individu	128	0.29	65	0.15	-63	-49.22
Calon sekolah kerajaan negeri	27	0.06	14	0.03	-13	-48.15
Calon sekolah integriti	0	0.00	0	0.00	0	0.00
Jumlah	44,823	100.00	42,983	100.00	-1,840	-4.11

(Berdasarkan data yang dikeluarkan pada 18 Jun 2021)

Lampiran 2

Perbandingan Bilangan Calon Mengikut Jantina dalam Peperiksaan STPM 2020

Jantina	Bilangan	Peratus
Lelaki	13,490	31.38
Perempuan	29,493	68.62
Jumlah hadir	42,983	100.00

Lampiran 3

Perbandingan Bilangan Calon Mengikut Aliran dalam Peperiksaan STPM 2020

Aliran	Bilangan	Peratus
Sains Sosial	39,320	91.48
Sains	3,663	8.52
Jumlah hadir	42,983	100.00

Lampiran 4

Bilangan dan Peratusan Calon yang Hadir Mengikut Kaum dan Aliran STPM 2020						
Kaum	Sains		Sains Sosial		Jumlah Keseluruhan	Peratusan
	Bilangan Hadir	Peratusan	Bilangan Hadir	Peratusan		
Bumiputera (Melayu, Sabah-Bajau, Kadazan, Murut, Bidayuh, Kadayang; Sarawak-Iban dan Melanau; dan Orang Asli)	556	15.18	31,780	80.83	32,336	75.23
Cina	2,666	72.78	4,597	11.69	7,263	16.90
India	393	10.73	2,172	5.52	2,565	5.97
Lain-lain [Benggali (Bengal), Punjabi (Sikh), Filipino, dan Indonesia]	48	1.31	771	1.96	819	1.90
Jumlah	3,663	100.00	39,320	100.00	42,983	100.00

(Berdasarkan data yang dikeluarkan pada 18 Jun 2021)

Lampiran 5

Bilangan dan Peratusan Calon yang Mendaftar dan Hadir Mengikut Lima dan Empat Mata Pelajaran STPM 2020				
Bilangan Mata Pelajaran	Calon Yang Mendaftar		Calon Yang Hadir	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
5 Mata Pelajaran	3,438	7.69	3,273	7.62
4 Mata Pelajaran	41,230	92.23	39,705	92.37
Jumlah	44,668	99.92	42,978	99.99
Jumlah yang ambil kurang 3 Mata Pelajaran ke bawah	36	0.08	5	0.01
Jumlah keseluruhan	44,704	100.00	42,983	100.00

(Berdasarkan data yang dikeluarkan pada 18 Jun 2021)

Lampiran 6

Perbandingan Bilangan Calon STPM 2019 dengan STPM 2020 Mengikut Mata Pelajaran

Bil.	Mata Pelajaran	STPM 2019		STPM 2020	
		Bilangan Mendaftar	Bilangan Hadir	Bilangan Mendaftar	Bilangan Hadir
1	Pengajian Am (900)	46,230	44,759	44,687	42,402
2	Bahasa Melayu (910)	30,301	29,247	30,415	28,802
3	Bahasa Cina (911)	406	378	312	289
4	Bahasa Tamil (912)	707	669	616	566
5	Bahasa Arab (913)	1,808	1,767	1,851	1,805
6	Literature In English (920)	87	81	79	77
7	Kesusasteraan Melayu Komunikatif (922)	6,283	5,996	6,095	5,634
8	Syariah (930)	2,305	2,257	2,397	2,311
9	Usuluddin (931)	1,235	1,200	1,142	1,121
10	Tahfiz Al-Quran			71	69
11	Sejarah (940)	23,658	22,767	23,550	22,395
12	Geografi (942)	12,163	11,698	12,346	11,789
13	Ekonomi (944)	15,029	14,586	13,939	13,382
14	Pengajian Perniagaan (946)	17,745	17,251	17,266	16,631
15	Perakaunan (948)	2,842	2,790	2,437	2,341
16	Mathematics M (950)	889	872	759	736
17	Mathematics T (954)	4,745	4,642	3,714	3,612
18	Information and Communications Technology (958)	624	603	659	618
19	Physics (960)	2,511	2,468	1,820	1,762
20	Chemistry (962)	4,659	4,564	3,590	3,499
21	Biology (964)	2,247	2,185	1,910	1,838
22	Sains Sukan (966)	3,358	3,224	3,602	3,417
23	Seni Visual (970)	8,594	8,225	8,917	8,487

(Berdasarkan data yang dikeluarkan pada 18 Jun 2021)

Lampiran 7

Perbandingan Pencapaian Calon Secara Keseluruhan dalam Peperiksaan STPM 2019 dan Peperiksaan STPM 2020

Bil.	Pencapaian Calon	Tahun		Beza	
		2019	2020	%	Bil. Calon
1	PNGK Nasional	2.77	2.78	+0.01	-
2	PNGK 4.00	1.79% (802 calon)	1.72% (741 calon)	-0.07	-61
3	PNGK 3.75 ke atas	7.78% (3,489 calon)	7.98% (3,431 calon)	+0.20	-58
4	PNGK 3.25 ke atas	27.73% (12,431 calon)	27.85% (11,971 calon)	+0.12	-460
5	PNGK 3.09 ke atas	33.45% (14,994 calon)	33.69% (14,482 calon)	+0.24	-512
6	PNGK 3.00 ke atas	41.09% (18,417 calon)	40.85% (17,559 calon)	-0.24	-858
7	PNGK 2.75 ke atas	55.42% (24,840 calon)	55.22% (23,738 calon)	-0.20	-1,102
8	PNGK 2.00 ke atas	88.20% (39,534 calon)	87.32% (37,533 calon)	-0.88	-2,001
9	Peratus calon yang mendapat 5A dan 4A	1.79% (802 calon)	1.78% (767 calon)	-0.01	-35
10	Peratus calon yang mendapat lulus penuh dalam <u>lima</u> dan <u>empat</u> mata pelajaran (gred C ke atas)	73.67% (33,021 calon)	72.97% (31,366 calon)	-0.70	-1,655
Bil. Calon Hadir		44,823	42,983	-4.11	-1,840
Bil. Calon Daftar		46,237	44,704	-3.32	-1,533

Lampiran 8

Perbandingan Pencapaian Calon Yang Mendapat PNGK 4.00 Hingga 2.00 Dalam Peperiksaan STPM 2019 dan STPM 2020

Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK)	Bilangan calon		Peratusan		Bilangan calon Longgokan		Peratusan Longgokan	
	2019	2020	2019	2020	2019	2020	2019	2020
4.00	802	741	1.79	1.72	802	741	1.79	1.72
3.92	764	774	1.70	1.80	1,566	1,515	3.49	3.52
3.84	455	513	1.02	1.19	2,021	2,028	4.51	4.71
3.83	437	378	0.97	0.88	2,458	2,406	5.48	5.59
3.75	1,031	1,025	2.30	2.38	3,489	3,431	7.78	7.98
3.67	1,134	1,108	2.53	2.58	4,623	4,539	10.31	10.56
3.59	543	517	1.21	1.20	5,166	5,056	11.53	11.76
3.58	787	733	1.76	1.71	5,953	5,789	13.28	13.46
3.50	1,420	1,345	3.17	3.13	7,373	7,134	16.45	16.59
3.42	1,615	1,523	3.60	3.54	8,988	8,657	20.05	20.14
3.34	518	574	1.16	1.34	9,506	9,231	21.21	21.47
3.33	1,129	1,039	2.52	2.42	10,635	10,270	23.73	23.89
3.25	1,796	1,701	4.01	3.96	12,431	11,971	27.73	27.85
3.17	1,881	1,812	4.20	4.22	14,312	13,783	31.93	32.06
3.09	682	699	1.52	1.63	14,994	14,482	33.45	33.69
3.08	1,319	1,141	2.94	2.65	16,313	15,623	36.40	36.34
3.00	2,104	1,936	4.69	4.50	18,417	17,559	41.09	40.85
2.92	2,163	2,048	4.83	4.76	20,580	19,607	45.91	45.61
2.84	823	843	1.84	1.96	21,403	20,450	47.75	47.57
2.83	1,254	1,183	2.80	2.75	22,657	21,633	50.55	50.33
2.75	2,183	2,105	4.87	4.90	24,840	23,738	55.42	55.22
2.67	2,149	1,964	4.79	4.57	26,989	25,702	60.21	59.79
2.59	678	707	1.51	1.64	27,667	26,409	61.73	61.44
2.58	1,384	1,270	3.09	2.95	29,051	27,679	64.81	64.39
2.50	1,939	1,856	4.33	4.32	30,990	29,535	69.14	68.71
2.42	1,825	1,721	4.07	4.00	32,815	31,256	73.21	72.71
2.34	492	414	1.10	0.96	33,307	31,670	74.31	73.68
2.33	1,185	1,133	2.64	2.64	34,492	32,803	76.95	76.31
2.25	1,544	1,433	3.44	3.33	36,036	34,236	80.40	79.65
2.17	1,341	1,297	2.99	3.02	37,377	35,533	83.39	82.66
2.09	277	304	0.62	0.71	37,654	35,837	84.01	83.37
2.08	881	776	1.97	1.81	38,535	36,613	85.97	85.18
2.00	999	920	2.23	2.14	39,534	37,533	88.20	87.32
Jumlah Calon	44,692	37,533						
Jumlah Keseluruhan Calon	44,823	42,983						

(Berdasarkan data yang dikeluarkan pada 18 Jun 2021)

Lampiran 9

Bilangan Calon yang Mendapat PNGK 4.00 Mengikut Aliran dan Jantina STPM 2020						
PNGK	Bil. Mata Pelajaran	Aliran Sains		Aliran Sains Sosial		
		Lelaki	Perempuan	Lelaki	Perempuan	
4	5	3	3	10	44	
4	4	61	24	152	444	
Jumlah		64	27	162	488	
Keseluruhan		91		650		
JUMLAH BESAR		741				

Lampiran 10

Perbandingan PNGK Calon Mengikut Aliran STPM 2019 dan STPM 2020

Aliran	STPM 2019		STPM 2020		Beza PNGK
	Bil. Calon	PNGK	Bil. Calon	PNGK	
Sains Sosial	40,033	2.77	38,474	2.79	+0.02
Sains	4,659	2.81	3,625	2.76	-0.05
Jumlah*	44,692		42,099		
Jumlah Calon Hadir**	44,823	2.77	42,983	2.78	+0.01

*Jumlah calon yang ada PNGK

**Jumlah semua calon termasuk calon yang tidak mendapat PNGK

Lampiran 11

Perbandingan PNGK Calon Bandar dan Luar Bandar dalam STPM 2019 dan STPM 2020			
Lokasi	PNGK STPM 2019	PNGK STPM 2020	Beza PNGK
Bandar	2.78	2.80	+0.02
Luar Bandar	2.76	2.78	+0.02
Beza (Jurang)	0.02	0.02 (beza jurang sama)	

Lampiran 12

Perbandingan Bilangan Calon yang Mendapat PNGK 4.00 dengan Gred A dalam Lima dan Empat Mata Pelajaran pada Peperiksaan STPM 2019 dan STPM 2020				
Bilangan Gred A yang Diperoleh	Bilangan Calon			
	STPM 2019 (Jumlah hadir 44,823)		STPM 2020 (Jumlah hadir 42,983)	
	Bil.	%	Bil.	%
5A	42	0.09	23	0.05
4A	760	1.70	718	1.67
PNGK 4.00	802	1.79	741	1.72%

Lampiran 13

Perbandingan Bilangan dan Peratusan Calon Sekolah Kerajaan, Sekolah Swasta, dan Calon Persendirian Individu Yang mendapat Lulus Penuh dalam 5 hingga 1 Mata Pelajaran Dalam Peperiksaan STPM 2018, STPM 2019 dan STPM 2020

Bilangan Mata Pelajaran dengan Kelulusan Penuh	STPM 2018		STPM 2019		STPM 2020	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
CALON SEKOLAH KERAJAAN						
5 mata pelajaran	1,726	4.06	1,986	4.46	1,887	4.41
4 mata pelajaran	29,921	70.44	30,892	69.42	29,400	68.68
3 mata pelajaran	6,124	14.42	6,412	14.41	6,316	14.75
2 mata pelajaran	2,659	6.26	3,007	6.76	3,009	7.03
1 mata pelajaran	1,564	3.68	1,627	3.66	1,659	3.88
Jumlah	41,994	98.87	43,924	98.70	42,271	98.74
Jumlah Keseluruhan	42,476	100.00	44,501	100.00	42,809	100.00
Bilangan Mata Pelajaran dengan Kelulusan Penuh	STPM 2018		STPM 2019		STPM 2020	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
CALON SEKOLAH SWASTA						
5 mata pelajaran	0	0	0	0.00	0	0.00
4 mata pelajaran	68	41.98	103	61.68	55	57.89
3 mata pelajaran	53	32.72	19	11.38	10	10.53
2 mata pelajaran	14	8.64	12	7.19	9	9.47
1 mata pelajaran	16	9.88	16	9.58	9	9.47
Jumlah	151	93.21	150	89.82	83	87.37
Jumlah Keseluruhan	162	100.00	167	100.00	95	100.00
Bilangan Mata Pelajaran dengan Kelulusan Penuh	STPM 2018		STPM 2019		STPM 2020	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
CALON PERSENDIRIAN INDIVIDU						
5 mata pelajaran	0	0	0	0.00	0	0.00
4 mata pelajaran	13	6.67	14	10.94	16	24.62
3 mata pelajaran	20	10.26	11	8.59	4	6.15
2 mata pelajaran	26	13.33	28	21.88	6	9.23
1 mata pelajaran	59	30.26	26	20.31	14	21.54
Jumlah	118	60.51	79	61.72	40	61.54
Jumlah Keseluruhan	195	100.00	128	100.00	65	100.00

Lampiran 13 (...sambungan)

Bilangan Mata Pelajaran dengan Kelulusan Penuh	STPM 2018		STPM 2019		STPM 2020	
	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan	Bilangan	Peratusan
CALON SEKOLAH KERAJAAN NEGERI						
5 mata pelajaran	0	0	0	0.00	0	0.00
4 mata pelajaran	13	81.25	26	96.30	8	57.14
3 mata pelajaran	2	12.50	1	3.70	6	42.86
2 mata pelajaran	1	6.25	0	0.00	0	0.00
1 mata pelajaran	0	0	0	0.00	0	0.00
Jumlah	16	100.00	27	100.00	14	100.00
Jumlah Keseluruhan	16	100.00	27	100.00	14	100.00

(Berdasarkan data yang dikeluarkan pada 18 Jun 2021)

Lampiran 14

Perbandingan Peratus Lulus Penuh (Gred C ke Atas) Mata Pelajaran STPM 2019 dan STPM 2020				
Kod Mata Pelajaran	Mata Pelajaran	Peratusan Lulus Penuh		Beza Peratusan
		2019	2020	
900	Pengajian Am	90.45	91.67	+1.22
910	Bahasa Melayu	92.35	92.65	+0.30
911	Bahasa Cina	86.24	86.51	+0.27
912	Bahasa Tamil	81.61	79.86	-1.75
913	Bahasa Arab	75.21	75.12	-0.09
920	Literature In English	75.31	88.31	+13.00
922	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	90.33	89.55	-0.78
930	Syariah	92.11	92.30	+0.19
931	Usuluddin	93.5	91.53	-1.97
932	Tahfiz Al-Quran	-	95.65	0.00
940	Sejarah	91.42	90.34	-1.08
942	Geografi	88.9	88.81	-0.09
944	Ekonomi	78.47	79.50	+1.03
946	Pengajian Perniagaan	80.56	80.35	-0.21
948	Perakaunan	87.03	89.24	+2.21
950	Mathematics M	71.79	74.73	+2.94
954	Mathematics T	78.18	73.09	-5.09
958	Information Communications Technology	91.38	91.10	-0.28
960	Physics	82.29	81.04	-1.25
962	Chemistry	85.45	86.54	+1.09
964	Biology	83.2	81.88	-1.32
966	Sains Sukan	97.86	97.60	-0.26
970	Seni Visual	98.38	97.74	-0.64

Lampiran 15

Bilangan dan Peratusan Calon STPM 2020 yang Mendapat Gred A Mengikut Mata Pelajaran

Kod Mata Pelajaran	Mata Pelajaran	Bilangan Hadir	Bilangan Mendapat A	Peratusan Mendapat A
900	Pengajian Am	42,402	2,408	5.68
910	Bahasa Melayu	28,802	3,936	13.67
911	Bahasa Cina	289	44	15.22
912	Bahasa Tamil	566	38	6.71
913	Bahasa Arab	1,805	177	9.81
920	Literature in English	77	8	10.39
922	Kesusasteraan Melayu Komunikatif	5,634	552	9.80
930	Syariah	2,311	279	12.07
931	Usuluddin	1,121	144	12.85
932	Tahfiz Al-Quran	69	32	46.38
940	Sejarah	22,395	2,240	10.00
942	Geografi	11,789	1,686	14.30
944	Ekonomi	13,382	2,032	15.18
946	Pengajian Perniagaan	16,631	1,597	9.60
948	Perakaunan	2,341	280	11.96
950	Mathematics M	736	50	6.79
954	Mathematics T	3,612	376	10.41
958	Information and Communications Technology	618	121	19.58
960	Physics	1,762	201	11.41
962	Chemistry	3,499	242	6.92
964	Biology	1,838	111	6.04
966	Sains Sukan	3,417	238	6.97
970	Seni Visual	8,487	1,913	22.54

Lampiran 16

Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan STPM

**STPM 2020: Penetapan Standard Bersama
Cambridge Assessment International Education, UK**

Pemantauan berterusan Jawatankuasa Pensijilan Majlis semenjak STPM 1982

Mesyuarat Jawatankuasa Pensijilan STPM 2020 secara online


Konsultan dari Bahagian Standard, Cambridge Assessment International Education, UK

Mr. Mark Dowling

Mrs. Diane Palmer Mrs. Kate Jenkinson

10 ANALISIS KEPUTUSAN PEPERIKSAAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA (STPM) 2020

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
MALAYSIAN EXAMINATIONS COUNCIL



Lampiran 17

PENGIRAAN MERIT STPM/ SETARAF

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA JPT JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

NILAI GRED MATA PELAJARAN
bagi STPM/ Matrikulasi dan Asasi bagi tujuan pengiraan markah akademik adalah seperti berikut :

GRED	NILAI GRED
A	4.00
A-	3.67
B+	3.33
B	3.00
B-	2.67
C+	2.33
C	2.00
C-	1.67
D+	1.33
D	1.00
F	0.00

STPM

PNGK dikira dengan mengambil kira purata nilai gred empat (4) mata pelajaran terbaik termasuk Pengajian Am

PENGIRAAN MARKAH AKADEMIK

PNGK
4.00


X

90

=

MARKAH AKADEMIK

Sesi Akademik 2020/2021 jpt.moe.gov.my



20 UNIVERSITI AWAM

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA JPT JABATAN PENDIDIKAN TINGGI

17 KOLEJ MATEMATIKAL
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

27 KAMPUS IPG

36 POLITEKNIK
POLYTECHNIC

103 KOLEJ KOMUNITI
COLLEGE

INSTITUSI LATIHAN KEMAHUAN AWAM (ILKA)

Sesi Akademik 2020/2021 jpt.moe.gov.my

Lampiran 18

JPA(S)324/1 Klt. 36(17)

Siri No.



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2005

KELAYAKAN SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA MENGGUNAKAN NILAI GRED MATA PELAJARAN BAGI MAKSUD PELANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM

SYARAT LANTIKAN KE PERKHIDMATAN AWAM DI PERINGKAT STPM MENGGUNAKAN NILAI GRED MATA PELAJARAN

4. Calon-calon yang memiliki Sijil STPM menggunakan NGMP boleh dilantik ke skim-skim perkhidmatan awam berdasarkan tahap kelulusan berikut:

- 4.1 lulus sekurang-kurangnya 3 mata pelajaran atas Gred C dengan NGMP 2.00 dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam satu peperiksaan STPM;

atau

- 4.2 lulus 2 mata pelajaran dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam satu peperiksaan STPM dengan syarat kedua-dua mata pelajaran yang lulus itu mestilah sekurang-kurangnya mendapat:

2

- (a) Gred B dan B (NGMP 3.00 dan 3.00); atau
- (b) Gred B+ dan B- (NGMP 3.33 dan 2.67); atau
- (c) Gred A- dan C+ (NGMP 3.67 dan 2.33); atau
- (d) Gred A dan C (NGMP 4.00 dan 2.00).

atau

- 4.3 lulus sekurang-kurangnya 2 mata pelajaran atas Gred C (NGMP 2.00) dan 2 mata pelajaran atas Gred C-, D+ atau D (NGMP 1.67, 1.33 atau 1.00) serta lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam satu peperiksaan STPM;

atau

- 4.4 lulus sekurang-kurangnya 4 mata pelajaran yang berlainan atas Gred C (NGMP 2.00) dan lulus Pengajian Am (sekurang-kurangnya atas Gred C dengan NGMP 2.00) dalam STPM yang dikumpulkan dalam dua peperiksaan dalam tempoh tiga tahun berturut-turut.

5. Calon-calon yang tidak memiliki keputusan seperti di perenggan 4.1, 4.2, 4.3 atau 4.4 adalah tidak layak dipertimbang untuk maksud lantikan ke jawatan-jawatan yang mensyaratkan kelulusan STPM yang menggunakan NGMP atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.



Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Parlimen, Akta Majlis Peperiksaan Malaysia 1980 [Akta 225]. MPM adalah badan peperiksaan di Malaysia yang diiktiraf untuk mengelolakan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM), Ujian Malaysian University English Test (MUET) termasuk kaedah MUET on Demand (MoD), dan Ujian Sijil Kecekapan Bahasa Melayu bagi Warganegara Asing (SKBMW). Sijil STPM diiktiraf di peringkat antarabangsa, dan telah berkolaborasi dengan Cambridge Assessment United Kingdom sejak tahun 1980. Di samping itu, MUET juga turut telah diiktiraf dan diterima oleh beberapa universiti terkemuka di luar negara.



Majlis Peperiksaan Malaysia

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves, Selangor

- 📞 : +603-6126 1600
- 📠 : +603-6136 1488
- ✉️ : ceo@mpm.edu.my
- 🌐 : www.mpm.edu.my